

10/03/1998

Draf enakmen hukum Islam perlu diterima

MAJLIS Agama Islam Negeri harus menerima draf Enakmen Pentadbiran dan Hukum Islam tanpa pindaan bagi memastikan proses penyelarasan undang-undang Islam di seluruh negara berjalan lancar.

Seorang anggota Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil, Datuk Dr Abdul Monir Yaacob, berkata draf itu sudah siap digubal oleh jawatankuasa itu dengan mendengar pandangan Sultan Perak, mufti, hakim mahkamah syariah dan ahli undang-undang Islam.

Jawatankuasa itu dipimpin Sheikh Kuliyyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Prof Tan Sri Ahmad Mohd Ibrahim, dengan kerjasama empat ahli undang-undang Jabatan Peguam Negara dan tiga pakar syariah.

"Seelok-eloknya setiap negeri memberi kepercayaan kepada jawatankuasa ini untuk menyelaras segala aspek undang-undang Islam bagi seluruh negara.

"Terima dulu dan jika ada negeri melihat kekurangan ketika pelaksanaan, buat cadangan kepada jawatankuasa teknikal dan kita akan kaji dan selaraskan semua," katanya selepas menyampaikan kertas kerja pada Seminar Serantau Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, semalam.

Kertas kerja beliau bertajuk Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia: Perlaksanaan dan Penyeragaman.

Draf itu yang dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu memastikan undang-undang Islam sesebuah negeri akan dikuatkuasakan di negeri lain, selain menyelaraskan hukumannya dan latihan bagi pegawai di seluruh negara.

Dr Abdul Monir berkata, beberapa aspek peraturan Islam yang dikemukakan untuk penyelarasan dalam draf berkenaan termasuk Undang-undang Keluarga Islam, Undang-Undang Pentadbiran, Undang-undang Mahkamah Syariah, Undang-undang Prosedur Mal dan Undang-undang Prosedur Jenayah.

Bagaimanapun, menerusi maklum balas setakat ini, beliau yakin semua negeri menerima draf itu.

Sebelum itu, dalam kertas kerjanya, Dr Abdul Monir mencadangkan jabatan agama negeri mengadakan peluang latihan formal kepada pegawai kaunseling masing-masing.

(END)